

## Jalan Keselamatan

RADEN SOENARTO

### PENJELASAN MAKNA *SUKSMA KAWEKAS* DAN *SUKSMA SEJATI*

Suksma bererti menghidupkan, menyebabkan kita memiliki rasa hidup. Suksmalah yang menghidupkan manusia. *Suksma Kawekas* ialah suksma yang tertinggi yang menguasai hidup dan menghidupkan. *Suksma Kawekas* yang menyinari *Suksma*. *Suksma Sejati* pula ialah kesejatian suksma yang membuat orang itu hidup. Yang dihidupkan itu *Roh Suci*, iaitu jiwa manusia yang dibungkus dengan empat unsur: air, api, tanah dan angin.

Juru Mengeti 'Orang yang bertugas memberi peringatan'

### PENDAHULUAN

Atas nama *Suksma Sejati* yang menjadi *Guru Sejati*, niat menerbitkan karya dengan judul *Jalan Keselamatan (Dalam Rahayu)* bukanlah daripada saya secara peribadi, tetapi daripada *suksma*, yang melalui lisan Raden Soenarto di Surakarta. Menurut peraturan *Suksma* yang saya terima, ajaran *Jalan Keselamatan* ini ialah untuk memahami siapa sahaja yang yakin kepada wejangan *Hasta Sila*, yang digolongkan menjadi dua, iaitu *Tri Sila* dan *Panca Sila*. Perintah *Suksma* itu adalah seperti yang berikut.

Jalan keselamatan ini, tidak bererti *Ingsun* hendak merosak aturan Tuhan yang telah ada, yang biasa disebut agama. *Ingsun* juga bukan untuk mendirikan agama baharu. Kecuali sekadar untuk memberi petunjuk bagaimana mengolah perasaan dan fikiran, bagi yang percaya, serta bagi yang ingin berusaha mencapai keselamatan sampai ke akhir hayat. Maka ajaran ini hanya saya berikan kepada yang *percaya* terhadap *Guru Sejati*, yang terserlah dalam dirinya, oleh itu tidak saya ajarkan kepada orang yang tidak *percaya* kepada *Ingsun*”

Maka semua pelajaran tanpa rahsia lagi. Utusan Tuhan itu bukan orang biasa, tetapi utusan abadi, yang telah bersatu dengan jiwa manusia. Maka ajaran ini hanya menuntun bagaimana mengolah rasa dan hati, mulai dengan tarekat dan hakikat.

Catatan daripada Hardjoprakoso dan Tr. Soemodihardjo

### INTI *JALAN KESELAMATAN*

Atas nama *Suksma Kawekas*, pangeran seluruh makhluk, dan arah sembah sejati

Yang muncul daripada peraturan *Guru Sejati (suksma sejati)*, melalui lisan pelajarnya yang bernama Raden Soenarto, adalah seperti di bawah ini.

Aku sudah faham keperluan kamu yang banyak, agar lebih tepat memaknai peraturan *Ingsun*, iaitu petunjuk jalan keselamatan ada delapan macam, seperti yang telah kamu pelajari pada serat yang bertajuk *Hasta Sila*. Hal itu dapat terlaksana dengan cara menempuh jalan keselamatan berupa lima hal, agar dapat dijadikan tangga, untuk naik ke tingkat yang lebih tinggi, agar selalu mampu memegang teguh makna ajaran saya (*Ingsun*) dalam buku *Hasta Sila* tadi. Adapun yang dimaksudkan dengan jalan keselamatan (rahayu) itu ada lima hal. Itulah kewajiban manusia, yang menjadi awal bertindak (laku) agar dapat melaksanakan ajaran tiga hal, seperti yang telah disebut dalam aturan Tri Sila, iaitu: ingat, *percaya* dan taat, yang disucikan dengan tindakan yang baik lima hal, iaitu: ikhlas, menerima, bersungguh-sungguh, sabar dan budi luhur.

Adapun secara ringkas, ajaran itu adalah seperti yang berikut.

1. Menghayati kesejatian dan makna aturan Tuhan yang ditujukan kepada manusia yang menjadi dasar bertindak atau yang menjadi inti niat yang ditaati.
2. Menjalankan bakti kepada Tuhan dan utusanNya, dengan diperkuat dengan jalan menyembah, sebagai ikatan rasa ingat (*eling*).
3. Budi (*darma*), iaitu mengajar rasa cinta kepada manusia, dengan cara bertindak dengan baik, menolong orang lain dalam kesusahan, sesuai dengan keperluan orang yang memerlukannya serta sejalan dengan kekuatan orang yang ditolong, perlu untuk menuntun kesucian hatinya.
4. Mengawal hawa nafsu agar menjadi bekal menuju cita-cita hidup sejati. Adapun cita-cita hidup itu tidak lain daripada kenyataan (*kasunyatan*) yang ada pada kerajaan Tuhan, yang telah ada dalam diri sesetiap manusia. Demikian tadi apabila mampu, dan cukup sarananya.

Demikianlah ringkasan yang disebut sebagai jalan keselamatan lima hal itu. Adapun penjelasan yang lebih khusus akan masing-masing hal, akan saya perkatakan seperlunya sahaja, agar menjadi perhatian kamu sekalian.

## I: PETUNJUK TUHAN BAGI MANUSIA

Silakan kamu menceritakan pada kawan-kawanmu tentang kenyataan sejati, serta utusan yang abadi, yang menuntun seluruh manusia menjadi *Guru Sejati*. Ketahuilah bahawa yang menuntun *kawula* sampai menemukan *Guru Sejati*, iaitu *Suksma Kawekas* (Allah Ta'ala, Sang Rama). *Suksma Kawekas* itu suksma yang paling luhur. Adapun utusan Tuhan itu *Ingsun (Suksma)* yang dalam Islam disebut Nur Muhammad, dalam agama Kristian disebut Kristus. Tuhan dan *Ingsun* berada dalam hidup yang menghidupkan iaitu dzat yang disebut *Roh Suci*. Dalam hidup itu pula akan terjadi kesatuan antara *Suksma Kawekas*, *Suksma*

dan Roh Suci yang disebut *Tri Purusa*. Adapun hal itu apabila diterjemahkan adalah seperti yang berikut.

*Suksma Kawekas* itu tetap menjadi kiblat sembah saya yang sejati. *Suksma* itu tetap menjadi utusan Tuhan, menjadi tuntunan dan guru saya yang sejati. Hanya *Suksma Kawekas* yang menguasai seluruh alam semesta. Hanya *Suksma* yang menuntun seluruh *kawula*. Seluruh kekuasaan *Suksma Kawekas* dibawa oleh *Suksma*, sedangkan *kawula* berada di bawah kekuasaan *Suksma*.

Hal itu adalah kekuatan *kawula*, pada waktu *Roh Suci* akan diturunkan ke dunia. Menurut ajaran ini, apabila telah bersinar dalam batin, akan menjadi pengikat yang kukuh, yang akan menggabungkan *kawula* dengan *Gusti*. Walaupun Tuhan dan saya telah menjadi satu dalam jiwamu, jika kamu masih tergodakan oleh dunia, kamu tidak akan dapat menerima daya kekuatan daripada Tuhan. Ketahuilah bahawa *kawula* yang tidak memiliki pengait yang kuat, biasanya *kawula* yang kurang *percaya*.

## II: PANEMBAH

Ketahuilah alang-alang kamu masih hidup di dunia, tetap menjadi *kawula Suksma Kawekas*. Walaupun Tuhan (*Suksma Kawekas*) dan *Ingsun* (*Suksma*) telah ada dalam dirimu, jika masih di dunia kamu bukan Tuhan dan juga bukan *Ingsun*, kamu tetap *kawula*. *Kawula* mesti berbakti kepada Tuhan, mesti *percaya* bahawa Tuhan itu hanya satu, hanya *Suksma Kawekas* peribadi yang menjadi tumpuan sembah sejati. *Suksma Sejati* itu menjadi utusan yang menuntun seluruh *kawula*, maka *kawula* juga mesti berbakti kepada utusannya. Utusan Tuhan ialah *Ingsun* yang abadi (*ora warna ora rupa*), tetapi menjadi satu dengan kamu, yang menuntut sampai watak yang benar.

Ketahuilah bahawa berbakti itu menjadi pengikat rasa *eling*, yang diperkuat dengan cara menyembah. Hal ini dituntut oleh hati suci, maka ketika kembali kepada Tuhan mesti bertaubat. Yang disebut *mituhu* ialah melaksanakan seluruh perintah dan menjauhi semua larangan. Jika hatimu masih banyak tumbuhan seperti hutan lebat (*rungkut*) penuh dengan pokok dan duri, sinar bulan tidak dapat menerangimu. Maka bersihkanlah batinmu, agar kamu dapat menghayati udara yang bersih, bernafas dengan wahana *Ingsun*. *Ingsun* itu dapat menuntun kamu kembali ke asal-usulmu. Walaupun *Ingsun* telah bersehati denganmu ketika pokok di hutan itu masih rimbun. Sebenarnya *Roh Sucimu* itu murid saya.

## III: BUDI DARMA

Nanti saya akan tunjukkan kewajipan ketiga, iaitu menjalankan budi *darma*. Ketahuilah bahawa sahnya orang yang bersembahyang itu mesti bersuci dahulu, tidak hanya suci lahiriah tetapi juga batiniah. Adapun kesucian batin itu dapat dituntut dengan membiasakan berbuat mulia atau utama, iaitu dengan mencintai

sesama manusia, menolong orang lain yang susah, menurut keperluan orang yang ditolong, dan menurut kekuatan yang menolong. Hal itu inti kepada kewajipan ketiga untuk menuntut kemurnian hati agar tidak memperkeruhkan diri, seperti yang telah menjadi kekuatan jiwa yang termaktub dalam *Paugeran*, sebab hati itu digunakan untuk mewadahi seluruh keinginan terhadap Tuhan. Maka kalau hatinya tidak murni, watak *temen* (bersungguh-sungguh) tidak akan muncul dalam hati yang masih bercampur dengan niat yang kotor.

Sekarang dilanjutkan dengan penjelasan *darma* (kewajipan). *Darma* bererti memberi kebaikan kepada sesiapa sahaja yang wajib diberi. Adapun pemberian itu tidak semestinya berupa wang atau barang, tetapi juga pekerti yang baik, yang dapat menolong, sekalipun hanya membantu dari segi tenaga dan fikiran, menurut keperluan orang yang ditolong. *Darma* sempurna itu lahir daripada kesucian hati kita sendiri, tidak dipaksa peraturan, jadi tidak mesti dibatasi tentang apa yang mesti *didarmakan*, berapa banyak atau sedikitnya, kepada siapa mesti diberikan, tetapi menurut tempat dan masa yang tepat, yang perlu ditolong, menurut kekuatan yang menolong.

Ketahuiilah bahawa orang fakir dan miskin sesungguhnya juga dapat *berdarma*, tidak hanya orang yang kaya harta benda, tetapi semua makhluk, dapat memberi kebaikan. Yang wajib menerima pertolongan juga tidak dibatasi. Pertolongan mesti berupa apa sahaja, tidak dibatasi. Yang penting ialah menurut keperluan orang yang ditolong, seperti memberi pakaian, makanan, tempat penginapan, petunjuk dan jalan keselamatan. Orang yang memerlukan kepandaian perlu diberi ilmu. Begitu seterusnya. Kewajipan itu mengikut kekuatan masing-masing. Kamu yang mempunyai kekuatan yang lebih mesti diberikan. Kalau hanya memiliki tenaga, berikanlah tenaga yang ada.

Bagi orang yang tidak mempunyai watak *nrima*, biasanya amatlah sukar dapat menyatakan dirinya itu mempunyai kekuatan yang tinggal. Oleh itu, manusia sering membuat angkara dan bencana, maka sering merosakkan sembahyang yang benar. Hati mereka tidak murni lagi, maka masih perlu belajar terus.

Ketahuiilah bahawa orang yang mempunyai kekuatan yang betul itu sebenarnya bukanlah orang yang tidak wajib *darma*, dan tidak ada orang yang tidak wajib menerimanya. Sekalipun raja dan orang kaya juga wajib menerima, tentu tidak semestinya yang berupa harta benda. Jadi, biarpun pengemis boleh juga *berdarma*. Sebaliknya, biarpun raja kalau melihat rakyatnya sengsara, tidak semestinya memberi harta benda, tetapi tenaga dan fikiran juga boleh. Jadi, *darma* itu mestilah cocok dengan situasi dan keadaan, baik yang memberi atau yang menerima.

Bagaimana *darma* yang dianggap sempurna? *Darma* yang sempurna itu dilaksanakan tanpa niat lain, mengharap pemberian orang lain juga tidak, kecuali hanya berbakti kepada Tuhan, bersembah diri kepada Tuhan. Semestinya kamu juga jangan menolak pemberian daripada orang lain. Jika dapat memanfaatkan pemberian orang lain itu, bererti pekerti yang utama.

Ketahuiilah bahawa *darma* yang masih menunggu perintah dipaksa itu tidak lahir dari kesucian hati, sebenarnya belum dapat disebut *darma* yang sempurna. Demikianlah jika orang hendak menyucikan hati, agar pekertinya juga sempurna, agar selalu ingat dzat Tuhan, mesti teringat terus kepada anugerah Tuhan. Namun, oleh sebab derajat batin itu bertingkat-tingkat, maka perlu dibatasi dengan peraturan. Yang dapat menarik pada pekerti utama, dituntut hanya kerana niat menolong sahaja, dan mempunyai watak yang mirip dengan sifat Tuhan. Maka pekerti mereka didasari rasa belas kasihan (*welas asih*), serta *sepi ing pamrih*. Demikian pekerti utama.

Jadi kesebatian itu ada tiga perkara: Paugeran (sahadat dalam Islam), bersembahyang dan budi *darma* itu tetap kepada sifat percaya. Yang menjadi ketetapan hati kerana melaksanakan kebenaran itu juga adalah tanda orang yang menjadi *kawula*. Adapun kesempurnaan percaya itu, jika diperhatikan realitinya adalah Tuhan dan utusannya telah bersebatikan dengan *Roh Suci*. Itu sebenarnya bermakna sahadat, tidak lain daripada peraturan Tuhan bagi *kawula*. Hal itu mesti dikaitkan dengan watak *eling* agar selalu menjadi pekerti utama. Hal sedemikian itu dinamakan budi pekerti utama yang menandakan orang itu akan dapat hidup dengan selamat. Jika demikian bermakna mendapat bekal mencapai tataran yang lebih tinggi yang dapat menyaksikan kesebatian *Tri Purusa*, iaitu kesebatian *Suksma Kawekas*, *Suksma*, dan *Roh Suci*. Jadi, peraturan agama yang terutamanya adalah sahadat tadi. Inti sahadat ialah *percaya*.

#### IV: MENGAWAL HAWA NAFSU

Tiga sifat yang baik tadi itu mesti diingat dengan cara mengawal hawa nafsu. Hawa nafsu itu mengajak orang ke arah sifat buruk (asor). Nafsu yang baik itu perlu dipertahankan. Hawa nafsu itu kekuatan badan fizikal menjalankan perintah manusia sejati atau jiwanya, perlu menjalankan kehendak. Maka hal itu mesti dijaga sebaik-baiknya dengan cara kita mengendalikan hawa nafsu.

Sebahagian kudrat hawa nafsu adalah cenderung ke arah pekerti buruk (ala). Namun semua itu tergantung pada kemahuan manusia. Jika *nafsu itu sungai, angan-angan manusia itu airnya*. Kalau air itu tidak dialirkan menurut kudrat nafsu yang kebiasaannya menuju ke arah keburukan, hawa nafsu tidak akan menjadi aliran sungai atau sungai keburukan. Oleh itu, terjadinya sungai itu juga menurut bagaimana kita memilih aliran airnya. Seperti air yang mengalir deras daripada gunung dengan alirannya tanpa tujuan yang jelas, hanya menurut tempat yang dilalui. Ini bermakna bahawa hanya menurut kehendak hawa nafsu, tentu hawa nafsu itu akan menjadi buruk.

Kalau aliran air itu terarah, agar tidak melewati tempat buruk, maksudnya angan-angan selalu berfikir tentang kebaikan, akan menjadi sungai yang utama. Oleh itu terjadinya sungai itu atas dasar keinginan yang dibantu angan-angan, kalau keinginan itu diperintah angan-angan, agar menjalankan pekerti utama, hawa nafsu juga menjadi dasar bertindak luhur.

Sebenarnya watak manusia hanya menurut kebiasaan angan-angan yang membantu gerak keinginan yang disebut *krenteg* (*sir* atau niat). *Sir* itu juga dijalankan oleh keinginan, menurut modal munculnya niat. Jika niat tadi muncul daripada jiwa yang bijak (*Suksma*), itu disebut berasal daripada *Karsa* atau keinginan. Jika telah bersatu dengan kehendak Tuhan, bererti ia telah *manunggal* cita-cita hidup sejati, iaitu *kasunyatan* 'kenyataan' yang berada pada keraton Tuhan (Baitullah). Apabila munculnya niat itu berasal daripada panca indera, itu berasal daripada keinginan (*karep*), semua menurut derajat batin masing-masing.

Ketahuiilah bahawa pekerti bertapa (*brata*) yang masih dipaksa oleh peraturan juga belum dapat dikatakan yang sempurna. Bertapa yang sempurna mesti muncul daripada hati suci. Kamu sudah faham bahawa dalam tubuh kita ada nafsu *luwamah*, iaitu yang ingin memuaskan nafsu untuk makan, minum, tidur, sahwat. Jika dibiarkan nafsu ini akan menuntut kepada pekerti yang rosak, seperti berwatak: *drengki, srei, medhit, panasten, dahwen, dhemen pasulayan*, ingin disanjung, yang akan mendatangkan sifat *adigang-adigung-adiguna*. Jika hati sudah tertutup, benih *percaya* tidak akan tumbuh, tidak mampu membuahkan: ingat (*eling*). Hal sedemikian itu akan menyebabkan manusia rugi kerana tidak boleh memilih rumahnya (alam sejati).

Begitulah isi ajaran *tapa brata*, jadi bukan orang yang meninggalkan komunikasi sosial, meninggalkan keperluan akan pakaian dan makanan, lalu masuk ke gua atau ke atas gunung, yang masih memiliki keinginan dan nafsu. Maka segala keinginan jangan dipakai untuk menginginkan hal ehwal yang dilarang. Jika mengekang hawa nafsu itu dilakukan sesetiap hari, kita akan menang dan mampu menaklukkannya. Paling tidak kita mampu memiliki pekerti seperti yang telah disebut dalam ajaran Hasta Sila, iaitu watak: *riila, narima, temen, sabar dan budi luhur*.

## V : BUDI LUHUR

*Budi luhur* ialah dua perkataan nama yang dirangkai menjadi satu, iaitu daripada kata budi dan luhur. Budi itu bahagian daripada watak *Suksma Sejati*, ertinya terang, yang menjadi lampu hidup manusia sejati (jiwa). Sinar budi itu diterima oleh fikiran (cipta). Cipta memiliki dua watak, iaitu terang dan gelap. Terang tidak lain ialah watak Tri Purusa, sedangkan gelap itu tempatnya.

Watak Tri Purusa itu menjadi kekuatan batin bagi manusia sejati. Adapun watak wadah itu sebagai kendaraan terang. Jika ada orang sedang jernih pikirannya, bererti sedang runtut, kerana sinar budi dapat diterima oleh cipta. Sebaliknya, apabila sedang gelap, bererti sinar budi tidak dapat diterima, sebab cipta telah dikotori oleh keinginan. Jadi agar menjadi terang (berbudi luhur) mesti menjalankan budi pekerti empat hal iaitu: *riila, narima, temen, dan sabar*.

Adapun kata luhur itu menggambarkan sifat Tuhan sejati (*Suksma Kawekas*). Keluhuran itu selalu mengalirkan daya kekuatan melalui perantara

Suksma Sejati. Jadi, istilah *budi luhur* itu bermakna manusia yang selalu berupaya hidup yang tersinari sifat Tuhan yang luhur. Tanda orang memiliki *budi luhur* ialah apabila budi pekertinya mulia iaitu: belas kasih, suci, adil, dan membezakan derajat, tidak meninggalkan sopan-santun (*kasusilan*). Budi pekerti ditandai pula oleh watak senang menolong tanpa motif. Watak sedemikian menandakan hidup tidak lagi menurut hawa nafsu.

Apabila hawa nafsumu sudah boleh dikekang dengan menggunakan angan-anganmu, sampai kamu akan unggul daripada kelemahan hatimu, ternyata kamu dapat menyempurnakan kewajiban tiga hal yang lain, iaitu yang telah disebut pada Bahagian I sampai III. Kamu akan dengan mudah mencapai darjat yang lebih tinggi, iaitu sampai ke tingkatan *budi luhur* dengan cara menyerahkan angan-anganmu kepada saya.

Mengapa disebut *budi luhur*, secara ringkas dapat dinyatakan bahawa *budi luhur* ialah watak manusia yang telah mendapat penerangan *Suksma* dan yang telah teremanasi Tuhan Yang Maha Luhur serta telah menyatu dalam hidupnya, sehingga berhati suci (nurani). Adapun budi pekerti manusia yang mulia itu berupa seluruh tindakan yang bagus dan sikap yang baik, seperti halnya belas kasihan sesama makhluk (*welas asih*), ikhlas (*rila*), menerima (*narima*), sungguh-sungguh (*temen*), *sabar* dan adil. Tindakan budi pekerti luhur ini menjadi kendaraan manusia, agar kelak dapat kembali kepada asal-usulnya dengan cara kita menyatu kepada sifat Tuhan, memiliki sifat luhur. Tindakan budi pekerti meliputi segala tindakan mulia, tindakannya sudah tidak ada batas lagi, kerana telah sampai kepada kebebasan jiwanya.

Maksudnya jiwa telah mampu mendedahkan keluhuran sifat-sifat Tuhan, sebab hatinya telah bersih, tidak lagi terbungkus oleh kotorannya hawa nafsu dan perwujudan ketiga-tiga angan-angan (cipta, rasa dan karsa) itu. Hati bersih, ketahuilah seperti besi yang tidak dibungkus kotoran (*timbrah*). Besi itu mudah ditarik kekuatan besi berani. Demikian perumpamaan hati yang murni, yang dipakai untuk menempatkan daya kekuasaan Tuhan, sinar Tuhan yang terpancar dalam hati suci. Keadaan ini memudahkan *kawula* dapat manunggal dengan yang menyinari atau yang memiliki sinar, iaitu Tuhan. Hal ini cukup beralasan, sebab antara sinar dengan yang menyinari sudah tidak ada yang menghalangi atau membatasi lagi.

Apa yang dimaksud hati dalam konteks ini sebenarnya tidak wujud. Ia juga bukan keadaan jantung, atau bentuk fizik tubuh lain, tetapi berada di tengah-tengah hidup, yang dihidupi oleh hidup abadi, yang menghidupkan semua makhluk yang hidup. Hidup tadi lalu dipagari tiga angan-angan dan dikelilingi hawa nafsu yang memunculkan batas antara manusia (*kawula*) dengan Tuhan (*Gusti*).

Jadi, apabila seseorang itu telah dapat mengalahkan hawa nafsunya seperti yang telah disebutkan di atas, serta telah mampu mengumpul ketiga-tiga angan-angan dalam suasana tenang dan jernih (*heneng-hening*) seperti yang telah saya jelaskan dalam perintahku yang termasuk dalam buku: *Gumelaring Dumadi*, di

situ manusia akan dapat bersatu dengan sifat-sifat Tuhan yang merasuk ke dalam dirinya. Akhirnya orang tersebut mampu memiliki watak-watak hidup mulia, atau telah mencapai tataran hidup *budi luhur*.

Sejak kamu masuk ke tataran *budi luhur* ini, bererti tidak lagi termasuk orang yang sedang berjalan di luar rumah (Tuhan), melainkan sudah tergolong orang yang berjalan di dalam keraton, iaitu kerajaan Tuhan. Keraton ini berada di dalam mikrokosmos (*jagad cilik*) kamu yang akan memudahkan sampai Pura Agung, iaitu sampai Dzat Tuhan yang meliputi seluruh alam seisinya (makrokosmos).

Pada saat kamu masih berjalan di dunia siswa, ketika itu masih menjadi siswa saya. Yang menuntut kamu itu saya, iaitu *Suksmam* sendiri yang selalu memberikan petunjuk, membenarkan kesalahan pekeritmu, jika kamu selalu memperhatikan petunjuk saya, agar kamu selalu berjalan ke dalam rel yang benar, yang menuntut kamu sampai di Pura Kecil, iaitu sifat-sifat peribadi Tuhan, yang berada dalam dirimu sendiri. Namun, ketika kamu telah sampai di keratonmu peribadi, ketika kamu telah menyatu dengan dzat Tuhan, yang menuntut kamu sudah bukan saya lagi, tetapi *Suksma Kawekas* yang ada dalam dirimu yang akan menuntut kamu sehingga sampai ke keraton Agung, kerana kamu telah menyatu dengan saya, ya saya ini yang disebut sifat-sifat peribadi Tuhan yang ada dalam dirimu sendiri, saya juga telah menyatu dengan *Roh Suci* kamu, juga telah manunggal dengan *Suksma Kawekas*.

Jadi *budi luhur* itu yang menjadi kunci (*sorog*), yang dapat dijadikan sarana pembuka keraton Agung, yang berada dalam kenyataan (*kasunyatan*) sejati, yang menjadi cita-cita hidup manusia. Akhirnya kamu kelak dapat masuk ke keraton yang abadi, boleh bersatu dengan Tuhan, menyaksikan bersatunya *Tri Purusa*. *Tri Purusa*, tidak lain ialah bersatunya tiga sifat iaitu: *Suksma Kawekas*, *Suksma Sejati* dan *Roh Suci*, Ketiganya telah bersatu (*luluh*), maka meliputi seluruh alam seisinya. Maka telah terdedahkan inti *Tri Sila*, iaitu watak *eling*, *pracaya*, dan *mituhu* yang disucikan oleh Panca Sila, iaitu *рила*, *nrima*, *temen*, *sabar* dan *budi luhur*.

## VI: MAKLUMAT LUHUR

Sebenarnya apa yang dimaksudkan dengan istilah *luhur* serta bagaimana hal ehwal ini dapat bergerak dalam diri manusia, ketahuilah sesungguhnya *luhur* itu adalah sifat Tuhan yang menjadi perantara Karsa menggelar seluruh makhluk hidup dengan cara mengurbankan peribadinya. Geraknya yang berada pada *budi* manusia itu, sebenarnya sudah amat sukar dibatasi dengan sifat begini ataupun begitu. Kejadian itu atas pengurbanan Tuhan yang dengan mengikhlaskan keperibadiannya. Begitu pula kenikmatan dan kemuliaannya. Maka kalau kamu balik ke *sangkan paraning dumadi* atau kepada Yang Maha Luhur (Tuhan), kamu mesti mengurbankan peribadimu dengan cara mengikhlaskan kenikmatan dan kemuliaan lahir dan batin. Seberapa batas



pengurbanan itu memang amat sukar dibandingkan, maka kurban tadi tidak hanya yang berupa harta benda, tenaga dan fikiran, tetapi jika perlu mesti sampai kepada pengurbanan jiwa, dijadikan sarana untuk menolong dunia, mengatasi kemalangan dunia, agar menjadi keselamatan dunia yang dikenal dengan sebutan *memayu-hayuning bawana*.

Ketika seseorang itu belum dapat menjalankan kurban yang nyata dan sempurna, bermakna mereka belum dapat menyeberangi laut *rila, narima, temen* dan *sabar*. Sebab watak empat hal ini yang bisa memutuskan ikatan motif serta yang dapat memutuskan ikatan tindakan buruk, iaitu perubahan keadaan semu yang tidak menuju ke arah kehidupan yang abadi, iaitu kehidupan dunia yang mudah rosak.

Jadi, makna *budi luhur* yang lebih dalam bererti watak Ketuhanan yang ada di atas budi atau akal manusia, maka sukar dibatasi lagi, sebab tataran *budi luhur* ini sama halnya manusia telah meletakkan sarana hidup tiga hal kepada Tuhan. Jadi, hidup tidak lagi dikuasai cipta sendiri, angan-angan dan budinya lagi, kecuali hanya hidup atas dasar Karsa, iaitu kehendak Tuhan. Hidup sedemikian kesuciannya itu dapat diibaratkan seperti kesucian anak kecil yang belum dewasa, namun bezanya ialah kebijaksanaan Tuhan telah bersinar dalam peribadinya.

Oleh itu, bukan setiap orang dapat menjalankan hal tersebut, atau sampai kepada tataran itu, maka kewajiban yang kelima iaitu *budi luhur* hanya dapat dijalankan orang yang telah cukup bekalnya dan selamat jalannya. Adapun bekal yang dapat menyelamatkan jalan yang akan dilalui, iaitu pekerti yang baik empat hal itu yang terjadi saat mereka sungguh-sungguh menjalankan *mituhu* serta menjalankan kewajiban yang keempat, iaitu mengawal hawa nafsunya agar jiwanya lebih bebas, bebas daripada tindakan buruk (*cidra*), iaitu perubahan keadaan yang tidak abadi agar dapat menjalankan pengurbanan untuk membuka kunci syurga, iaitu tempat cita-cita hidup sejati, seperti yang telah dijelaskan sehingga dapat minum air kehidupan, iaitu hidup abadi yang ada dalam kerajaan Tuhan yang meliputi seluruh alam seisinya.

Di mana tempat kerajaan Tuhan kamu belum dapat tahu lagi, sebelum budimu suci dan mencapai *budi luhur*, walaupun kamu sudah tahu arahnya. Itu baru berupa gambaran atau lambang sahaja. Sebenarnya tidaklah sedemikian. Sebab intinya keadaan Tuhan itu tidak dapat dibandingkan (*tan kena kinaya ngapa*). Jadi, walaupun dikatakan ada tempat yang tidak jelas, sebab Tuhan itu ada (*ana*), tidak memerlukan tempat, maka bagi Tuhan tidak terbatas waktu dan tempat. Maka kamu tidak perlu/mesti berfikir panjang mengenai zat Tuhan, oleh sebab mesti tidak akan pernah selesai, apalagi jika hanya atas dasar nalar sahaja. Oleh itu, seberapa jauh akal budi manusia, selalu tidak akan sampai membayangkan keadaan Tuhan, apalagi keghaiban Tuhan. Yang lebih berguna bagi kamu sebelum dapat menjalankan kewajiban yang kelima, angan-angan kamu sebaiknya digunakan untuk menyelidiki untung rugi batinmu ketika mesti “jual beli” dengan hawa nafsu yang selalu ada tawar-menawar, yang ada di

pasar dunia, dengan teliti kamu mencermati keluar masuknya hawa nafsu, yang kamu ikat dengan nyawa, agar kamu selalu berhati-hati sehingga tahu mana pekerti yang benar dan salah, mana yang boleh dan yang tidak, dan sebagainya.

Demikianlah wahana hidupmu agar boleh meraih anugerah Tuhan, yang boleh dilalui watak: *eling*, *pracaya* dan *mituhu*. Adapun hati-hati itu apabila kamu telah dapat bersatu dengan *Suksma*, sudah berbadan Guru yang mampu menguasai sifat Tuhan. Sebelum kamu sampai ke tataran ini, sebaiknya bertindaklah dengan secukupnya menurut kewajiban yang telah disebut pada Bahagian I- IV, dengan cara melakukan tiga hal, iaitu awas, merasakan tindakan baik dan buruk setiap hari, pada masa selesai menjalankan ritual sembah, atau pada saat berehat setelah menjalankan aktiviti sehari-hari, apakah sudah boleh cocok dengan Bahagian IV.

Pertama, iaitu mengawal hawa nafsu dan sebagainya yang menjadi kewajibanmu. Yang kedua digunakan untuk memikirkan berbagai-bagai contoh yang ada di alam semesta ini. Sebab seluruh tindakan itu sebenarnya adalah ajaran Tuhan kepada manusia. Dari sini kamu akan memahami tindakan mana yang baik dan buruk yang akan memberi keuntungan dan kemalangan dan sebagainya. Yang ketiga, untuk mengingat mati, bahawa hidup di dunia itu ada batasnya yang disebut mati itu. Bagaimana mati akan terjadi dan bahayanya yang menyebabkan tidak boleh kembali ke alam sejati dan sebagainya. Hal ini akan saya sebutkan sekadarnya sahaja tetapi juga akan saya sampaikan dalam babagian lain. Hal itu semuanya menjadi jalan kamu memiliki bekal: watak utama empat hal, yang akan mengantar kamu sampai ke tataran: *budi luhur*, jika sudah boleh sungguh-sungguh menjalankan syarat-syarat yang menjadi sarana tindakan (laku). Oleh itu, memang jalan ini yang akan mengajar kamu sendiri menjadi sarana mencapai kesempurnaan serta menyaksikan bagaimana *kasunyatan* Tuhan akan boleh dicapai. Hal itu lebih baik daripada hanya mengangan-angankan sifat Tuhan, atau dzat Tuhan yang tidak akan selesai difikirkan yang hanya akan melemahkan fikiran sahaja, boleh jadi malah jatuh dalam dosa, andai kata kamu selalu memikirkan keadaan Tuhan dan kerajaan-Nya yang disebut syurga.

Sesiapa yang bersungguh-sungguh itu tetap akan hidup di jalan keselamatan ini dan akan menerima anugerah Tuhan di dunia dan akhirat. Jadi, sesungguhnya yang mendatangkan ganjaran itu juga daripada manusia itu sendiri. Sebab adanya anugerah tadi berasal daripada manusia yang selalu memegang teguh kepada suruhan serta menjauhi larangan Tuhan. Ketahuilah bahawa anugerah Tuhan yang mulia itu terjadi ketika manusia dapat merasakan kenikmatan Tuhan, iaitu kemuliaan abadi atau ketenteraman abadi yang ada dalam kerajaan Tuhan yang biasa disebut syurga. Namun, kamu jangan terlalu membayangkan keadaan syurga seperti rumah yang indah dan sebagainya, jika kamu akan selamat sampai menuju *sangkan paran*. Jika kamu membayangkan keadaan syurga itu sama halnya dengan membayangkan sifat Tuhan, padahal *tan kena kinaya ngapa*. Jadi, kalau kamu selalu mempunyai angan-angan syurga sama juga

mengangankan Tuhan berada di rumah yang indah tadi, padahal Tuhan itu tidak memiliki arah dan tempat yang jelas. Orang yang demikian akan jatuh pada perbuatan jelek. Sebab angan-angan itu terbatas sekali.

Keadaan syurga yang sering digambarkan sebagai tempat yang indah dengan pokok-pokoknya rimbun dan ada sungai yang mengalir itu semua menggambarkan suasana senang dan tenteram. Sebab di situlah sumber kenikmatan yang tidak boleh digambarkan dengan kata-kata, kecuali hanya dengan makrifat Tuhan, melalui laku-laku yang telah ada dalam petunjuk. Sudahlah jangan berbanyak cakap, setelah kamu tahu, kemampuanmu lalu jatuhkan pada *percaya*, kamu taati, itu menjadi sarana mencapai hidup yang sejati.

(Sumber asal: *Serat Sasangka Djati*: Dalan Rahayu. Surakarta: *Paguyuban Ngesti Tunggal*. 1968: 105-136).

Penterjemah: Suwardi Endraswara  
Jurusan Pendidikan Bahasa Daerah,  
FBS Universitas Negeri Yogyakarta  
55281 Yogyakarta  
Indonesia

Emel: [suwardi\\_endraswara@yahoo.com](mailto:suwardi_endraswara@yahoo.com)